



**GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI
FASA PERALIHAN**

PADANG GOLF

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
19 November 2021**

GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN FASA PERALIHAN : PADANG GOLF

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah bagi PADANG GOLF beroperasi semasa Fasa Peralihan dalam rangka kerja pemulihan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Fasa peralihan bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi. **Perlaksanaan Pelan Tahap Peralihan** bagi Padang Golf akan bermula pada hari **Jumaat, 13 Rabiulakhir 1443 bersamaan 19 November 2021**, dengan syarat-syarat dan garis panduan yang dikemaskinikan seperti berikut:

1. Hanya individu yang telah menjalani **vaksinasi penuh (2 dos)** dan mempunyai **Bruhealth code berwarna hijau atau kuning** sahaja dibenarkan;
2. Padang Golf **beroperasi ditahap kapasiti 50% atau tidak melebihi 200 pemain pada satu masa**;
3. Dibukakan kepada semua **ahli yang berdaftar sahaja**;
4. **Dibenarkan kepada 4 pemain** dalam satu *flight*;
5. **Pertandingan atau Perlawanan Golf tidak dibenarkan.**
6. **Kenderaan *Buggy* hanya dibenarkan bagi 2 (dua) pengguna** pada satu masa;
7. **Pemain hendaklah memakai sungkup muka**;
8. *Clubhouse* restaurant / cafeteria dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dalam satu masa mengikut ruang kapasiti *Clubhouse* restaurant / cafeteria** berkenaan. Buffet adalah tidak dibenarkan;
9. Kemudahan ***locker room* dan tempat mandi** adalah dibuka;

Syarat dan garis panduan lain adalah seperti **Perincian lanjut** digariskan dalam **Lampiran A.**

Penggunaan setiap kelab dan fasiliti hendaklah mematuhi peraturan kerajaan. Bagi persediaan operasi Fasa Peralihan, langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

1. TANGGUNGJAWAB KELAB DIBAHAGIKAN KEPADA TIGA ASPEK: GARIS PANDUAN UMUM, TEMPAHAN DAN PERATURAN *CLUBHOUSE*

a. Garis Panduan Umum.

- (1) Membuat **pendaftaran dan rekod** yang sesuai di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan. (Setiap kelab perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang www.healthinfo.gov.bn/register untuk penjanaan QR code bagi pendaftaran pemain) dan mengemaskini had kapasiti kemasukan;
- (2) Melaksanakan **pemeriksaan suhu badan** dan menyediakan sanitasi di pintu masuk dan di tempat yang bersesuaian di seluruh Padang Golf;
- (3) Hanya individu yang telah menjalani **vaksinasi penuh (2 dos)** dan mempunyai **Bruhealth code berwarna hijau atau kuning** sahaja dibenarkan;
- (4) Padang Golf **beroperasi ditahap kapasiti 50% atau tidak melebihi 200 pemain pada satu masa**;
- (5) Dibukakan kepada semua **ahli yang berdaftar sahaja**;
- (6) **Dibenarkan kepada 4 pemain** dalam satu *flight*;
- (7) **Pertandingan atau Perlawanan Golf tidak dibenarkan.**
- (8) **Kenderaan *Buggy* hanya dibenarkan bagi 2 (dua) pengguna** pada satu masa;
- (9) **Pemain hendaklah memakai sungkup muka**;
- (10) *Clubhouse* restaurant / cafeteria dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dalam satu masa mengikut ruang kapasiti *Clubhouse* restaurant / cafeteria** berkenaan. Buffet adalah tidak dibenarkan;
- (11) Kemudahan ***locker room* dan tempat mandi** adalah dibuka;
- (12) **Individu yang kurang sihat** adalah dinasihatkan untuk tidak bermain;

- (13) **Menjaga kebersihan diri** sepanjang masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta menggunakan sungkup muka bila berada dikawasan yang penuh sesak;
- (14) **Mengasingkan diri**, tidak memasuki tempat-tempat awam dan segera berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan rawatan **apabila kurang sihat**;
- (15) **Papan tanda dan poster** langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipaparkan;
- (16) Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148**.

b. Tempahan.

- (1) Kelab dan fasiliti hendaklah **menyelenggara sistem tempahan dan memperuntukkan tee time** bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pemain golf;
- (2) **Dibenarkan bagi empat (4) pemain** dalam satu *flight*;
- (3) **Jarak masa minima di antara tee time adalah 10 minit**, tetapi jika jarak masa yang lebih lama diperlukan, ianya adalah tertakluk kepada pihak kelab atau fasiliti tersebut.

c. Peraturan Clubhouse.

- (1) *Clubhouse* restaurant / cafeteria dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 50% dalam satu masa mengikut ruang kapasiti Clubhouse** restaurant / cafeteria berkenaan. Buffet adalah tidak dibenarkan;
- (2) **Clubhouse dibuka pada kadar kapasiti 50%** dalam satu masa atau tidak melebihi 200 orang;
- (3) **Tandas perlu disanitasi** setiap masa;
- (4) **Buggy perlu disanitasi sebelum dan selepas** digunakan;
- (5) Pihak kelab atau fasiliti hendaklah **menyediakan prosedur bagi memastikan keperluan penjarakan sosial** dipatuhi di bangunan pelepas sebelum pemain memulakan permainan;
- (6) Semua pembantu *clubhouse* hendaklah **menggunakan sungkup** muka dan sarung tangan apabila mendapatkan semula *buggy* yang ditinggalkan di tempatkan letak kereta;
- (7) **Buggy hendaklah disanitasi** oleh pihak *clubhouse*.

2. TANGGUNGJAWAB PEMAIN GOLF

a. Pendaftaran.

- (1) Pemain golf hendaklah **mengimbas QR code** kelab golf dan fasiliti dan *Clubhouse* kafeteria atau restaurant sebaik sahaja ketika tiba dan memasuki premis berkenaan.

b. Hal-hal yang berkaitan.

- (1) Pemain golf hendaklah memastikan bahawa mereka **sentiasa menjaga jarak** sekurang-kurangnya 1.5 meter semasa permainan (kawasan tee, berjalan menuju bola, mencari bola dan semasa memukul bola);
- (2) **Tidak digalakkan untuk bersentuhan** seperti bersalaman;
- (3) Pemain hendaklah **memakai sungkup muka setiap masa**;
- (4) **Penggunaan rak dibenarkan** di atas padang;
- (5) **Pembersih bola dibenarkan**;
- (6) Kemudahan ***locker room Clubhouse* dibuka**;
- (7) **Pancuran air minum dibenarkan** dan hendaklah sentiasa dibersihkan.
- (8) Pemain hendaklah **membawa peralatan, tuala dan botol air sendiri**;
- (9) Pemain digalakkan untuk **membawa *disinfectant* mereka sendiri** sebagai perlindungan.